




KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	16/6/2017	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Tangani hakisan pantai Tanjung Bungah

SAUDARA PENGARANG,

SAHABAT Alam Malaysia (SAM) memandang serius masalah hakisan yang berlaku di kawasan pesisir pantai Tanjung Bungah, Pulau Pinang. Sehubungan itu, kami menggesa kerajaan negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera menyasat punca hakisan berkenaan.

Ketika tinjauan yang dibuat SAM baru-baru ini, pihak kami mendapati masalah hakisan pantai di situ semakin teruk.

Penduduk turut memaklumkan masalah itu telah berlaku sejak 2016. Walaupun aduan telah dibuat penduduk kepada JPS, tiada sebarang tindakan berkesan telah diambil oleh jabatan berkenaan bagi mengatasi hakisan itu.

Di samping aduan penduduk, nelayan-nelayan Tanjung Bungah turut meluahkan kesusahan mereka mengenai kejadian hakisan pantai yang bertambah teruk di kawasan mereka di dalam Facebook tetapi tidak mendapat sebarang respons

daripada mana-mana pihak.

SAM khuatir jika masalah itu tidak ditangani segera, hakisan berkenaan akan semakin sukar dikawal berikutan perubahan cuaca yang menyaksikan kawasan itu lebih terdedah kepada tiupan angin kencang dan ombak besar.

Sekiranya keadaan ini dibiarkan berlarutan tanpa sebarang tindakan yang sewajarnya untuk mengekang hakisan, secara tidak langsung masalah itu turut mempengaruhi kualiti hidup komuniti dan nelayan setempat.

Kesan hakisan itu bukan sahaja memusnahkan harta benda dan kediaman malah turut mengancam nyawa penduduk yang mendiami kawasan pesisir pantai.

Sehubungan itu, SAM menyeru kerajaan Pulau Pinang dan JPS memandang serius serta mengambil tindakan segera bagi menyasat dan menyelesaikan masalah hakisan pantai Tanjung Bungah.

S.M. MOHAMED IDRIS
Presiden SAM